

D-Max dinaiki tiga pegawai JKDM dirempuh, dihimpit Hilux lindungi penyeludup

Kastam wanita kejar tonto maut

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU – Seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) wanita yang cedera parah selepas dilanggar Toyota Hilux dinaiki tonto pada Jumaat lalu meninggal dunia selepas sehari bertarung nyawa di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini semalam.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Ab. Rahman Ismail berkata, sebelum kejadian pada pukul 1.25 pagi di Kampung Banggol Chica, Pasir Mas, Anisah Ali, 54, bersama dua anggota JKDM lelaki yang menaiki Isuzu D-Max terserempak dengan sebuah kenderaan dipercayai dinaiki kumpulan penyeludup rokok.

Anisah merupakan pegawai kanan bahagian penguatkuasaan JKDM cawangan Rantau Panjang.

Menurut beliau, anggota penguat kuasa itu cuba menahan kenderaan tersebut namun kenderaan suspek memecut laju tanpa menghirau arahan pegawai kastam yang memberi arahan supaya berhenti.

"Isuzu D-Max dinaiki Anisah mengejar kenderaan itu yang semasa itu menghala ke Pasir Mas namun secara tiba-tiba datang sebuah lagi kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux merempuh belakang Isuzu D-Max dinaiki penguat kuasa kastam tersebut.



AB. RAHMAN



ANISAH

"Toyota Hilux itu turut menghimpit Isuzu D-Max dipercayai bertujuan melengah-lengah dan menghalang kenderaan pihak berkuasa itu daripada terus mengejar kenderaan penyeludup," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Ab. Rahman memberitahu, tindakan Toyota Hilux yang dinaiki beberapa lelaki itu menyebabkan Isuzu D-Max terbabas ke kiri jalan sebelum melanggar pokok.

"Ketiga-tiga penguat kuasa kastam itu cedera dengan salah satu tayar Isuzu D-Max tersebut tercabut lalu terpelanting.

"Tayar kenderaan itu kemudian dirempuh sebuah kereta lain namun mangsa dalam kereta terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan," kata beliau.

Selepas kejadian itu, lelaki yang menaiki Toyota Hilux meninggalkan tempat kejadian tetapi kenderaannya ditinggalkan di lokasi kejadian.

Mengulas lanjut, kata beliau, Anisah dan dua lagi anggota JKDM itu dihantar oleh orang

Isuzu D-Max dinaiki Anisah mengejar kenderaan yang menghala ke Pasir Mas namun secara tiba-tiba datang Toyota Hilux merempuh belakang Isuzu D-Max tersebut

AB. RAHMAN ISMAIL

awam ke Hospital Pasir Mas sebelum Anisah kemudian diarah menjalani rawatan susulan di HRPZ II.

Dua anggota JKDM lain tidak mengalami kecederaan serius.

Bagaimanapun, menurut beliau, Anisah kemudian disahkan meninggal pada pukul 11.15 malam kelmarin akibat mengalami kecederaan dalam dan komplikasi usus berpunca daripada kemalangan akibat dirempuh kenderaan tonto.

Kata beliau, polis sehingga semalam belum membuat sebarang tangkapan.

"Kenderaan Isuzu D-Max dan Toyota Hilux dihantar ke Jabatan Forensik untuk siasatan," kata beliau.



PACUAN empat roda Isuzu D-Max dinaiki Anisah dan dua anggotanya remuk selepas dirempuh Toyota Hilux di Kampung Banggol Chica, Pasir Mas Jumaat lalu.

INFOGRAFIK Kes Hilux tonto langgar D-Max kastam

- 1 Isuzu D-Max dinaiki tiga penguat kuasa kastam mengejar kenderaan penyeludup rokok
- 2 Kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux tiba-tiba muncul dari belakang lalu merempuh belakang Isuzu D-Max
- 3 Toyota Hilux kemudian menghimpit Isuzu D-Max
- 4 Isuzu D-Max terbabas dan melanggar pokok

